

## PERKEMBANGAN TAFSIR MAUDHU'I

NOR HANNA DARPEN  
SAHLAWATI ABU BAKAR  
*sahlawati@kuis.edu.my*

Jabatan Al-Quran Dan Al-Sunnah  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

### ABSTRAK

*Kajian ini membincangkan mengenai perkembangan tafsir maudhu'i iaitu metode yang sudah lama digunakan pada zaman Rasulullah s.a.w namun pada ketika itu tafsir maudhu'i tidak dinamakan sebagai tafsir maudhu'i. Matlamat kajian ini untuk mengetahui perkembangan tafsir maudhu'i dengan lebih mendalam. Kajian ini menggunakan metode analisis dokumen yang dibuat secara induktif. Dapatan kajian menunjukkan tafsir maudhu'i berkembang dari zaman Rasulullah s.a.w. sehinggalah ke zaman moden. Tafsir maudhu'i ini juga dapat menjawab hal-hal semasa yang berlaku pada zaman sekarang.*

**Kata kunci:** perkembangan, tafsir, maudhu'i.

### 1.0 Pengenalan

Pentingnya umat nabi Muhammad s.a.w bagi memahami al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w yang mana al-quran itu sendiri turunnya dalam Bahasa arab. Dan ianya memerlukan metode tafsir yang mudah untuk memahami al-Quran itu dengan lebih mendalam dan maknanya sampai ke hati bagi setiap umat nabi Muhammad s.a.w agar apa yang tersirat itu dapat diamalkan dalam kehidupan bagi setiap muslim di negara ini.

Perkembangan tafsir al-Quran telah wujud pada zaman nabi Muhammad s.a.w lagi, tidak dapat dinafikan melalui sejarah. Perkembangan ini berkembang secara pesat sehingga sampai ke negara barat mahupun timur, malah orang islam atau bukan islam mengetahui pentafsiran al-Quran dan perkara ini berkembang seiring dengan perjalanan risalah dan kenabian Nabi Muhammad s.a.w. Masalah-masalah dan keperluan-keperluan manusia ketika itu, tidak sebesar keadaan yang dilalui masyarakat muslim masa kini dimana terdapat pelbagai masalah yang ditemui mutakhir ini. (Ali Akbar, 2011 )

Pada ketika itu nabi Muhammad s.a.w sendiri yang menjadi tempat rujukan bagi umatnya. Namun setelah nabi Muhammad s.a.w wafat masalah dan keperluan yang datang pada umat nabi Muhammad s.a.w semakin mencabar sehingga perkembangan tafsir quran itu meluas dan berkembang. Tambahan pula al-Quran yang diturunkan dalam Bahasa arab yang memiliki susunan ayat yang tertib dan tinggi, membuat para ulama dan mufasir menggunakan pelbagai metode dan corak tafsir dalam memahami ayat-ayat al-Quran.

Sejarah perkembangan tafsir dimulai pada zaman Nabi s.a.w dan para sahabat. Pentafsiran ayat-ayat al-Quran pada saat itu secara ijmal yang mana tafsiran ketika itu tidak memberikan penjelasan yang cukup. Dalam tafsir mereka pada umumnya sukar menemukan huraian yang sempurna, kerana itu tidak pelik apabila dikatakan bahawa metode ijmal merupakan metode tafsir al-Quran yang pertama kali muncul dalam kajian tafsir al-Quran. (Hujair A.Sanaky 2008)

Oleh itu, penulis ingin berkongsi pengetahuan apa yang telah penulis dapatkan melalui kajian yang telah dikaji ini. Untuk mendapatkan maksud tafsiran keadaan kedua-dua kalimah yang sama ini dengan menggunakan metode atau corak tafsir yang dikemukakan dalam kitab-kitab tafsir tentang kedua kalimah ini oleh para ulama dan mufasir.

## **2.0 Pengertian Tafsir Maudhu'i**

Maksud tafsir menurut Imam al-Zarkasyi ialah ilmu untuk memahami al-Quran yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w dan mengeluarkan hukum untuk beramal dengan hukum tersebut. Manakala menurut Imam al-Suyuti menaqlikan pandangan Abi Hayyan berkenaan tafsir iaitu "tafsir ialah ilmu yang membahaskan bagaimana berinteraksi dengan al-Quran, hukum-hukumnya dan maknanya". Dan menurut Ibn Taimiyyah ketika mentafsirkan al-Quran perlu melihat kepada 3 perkara iaitu: siapa yang menyampaikan, kepada siapa diturunkan dan kepada siapa ditujukan. (Nurzatil Ismah Bt Azizan,t.t)

Jadi maksud secara keseluruhan tafsir itu adalah ilmu untuk memahami makna-makna yang terkandung al-Quran, atau menerangkan maksud-maksud ayat-ayat al-Quran secara tersembunyi, atau menjelaskan hukum-hukum yang terdapat dalam ayat-ayat al-Quran tersebut. Oleh itu, maksud-maksud ayat-ayat al-Quran yang tersirat dapat difahami dengan baik dan menjadi seseorang itu beramal akannya.

Seterusnya maksud maudhu'i pula, menurut bahasa maudhu'i berasal dari perkataan maudhu' (موضوع) yang merupakan isim maf'ul dari kata "wada'a" (وضع) yang bermaksud masalah atau isi pembicaraan yang berkaitan dengan aspek-aspek kehidupan manusia yang terkandung dalam al-Quran. Oleh demikian, tafsir maudhu'i bermaksud mentafsirkan ayat-ayat al-Quran berdasarkan tema atau topik permasalahan. (Mukhlisin, 2015)

Dalam kitab tafsir maudhu'i oleh Dr. Solah, menurut bahasa maudhu'i berasal dari perkataan maudhu' (موضوع) yang merupakan isim maf'ul "wada'a" (وضع) bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya sama ada ianya bermaksud al-hath ( memasukkan sesuatu pada tempatnya) dan al-khafad (pengurangan) ataupun bermaksud pertemuan dan menetapkan sesuatu pada tempatnya. Manakala menurut istilah tafsir maudhu'i bermaksud kontemperari atau isu-isu semasa.

Dalam memberikan maksud tafsir maudhu'i, Dr. Mustofa Muslim memberikan maksud tafsir maudhu'i secara istilah lima bahagian: Pertama, maksud tafsir maudhu'i ialah ilmu yang berkaitan tentang keperluan-keperluan maqasid Quraniyah melalui surah dan lain-lain. Kedua, mengumpulkan ayat-ayat al-Quran yang berbeza dalam surah-surah al-Quran yang berkait dengan satu tajuk dari segi hukum-hukum dan lafaz dan mentafsirkan mengikut maqasid Quraniyyah.

Ketiga, tafsir maudhu'i adalah ilmu yang memiliki kaedah, asas dan usul dan juga mempunyai manhaj dan jalan yang telah ditetapkan dalam perbahasan tersebut. Keempat, mengumpulkan ayat-ayat al-Quran yang ingin dibahaskan dalam satu tajuk atau dari satu istilah dari surah-surah yang berlainan, sama ada ayat-ayat yang hendak dibahas itu dalam istilah yang sama atau yang membahaskan tentang istilah-istilah dan lafaz yang hampir yang berkaitan.

Dan yang terakhir maksud tafsir maudhu'i ialah mentafsirkan ayat-ayat al-Quran dengan kaedah tema bukan mentafsirkan secara tahlili. Tambahan juga mentafsirkan mengikut maqasid Quraniyyah untuk membenarkan lagi tujuan maqasid al-Quran melalui perbahasan yang mengikut tema dalam ayat-ayat tersebut.

Oleh demikian dapat difahami bahawa maksud tafsir maudhu'i adalah satu cara mentafsirkan al-Quran dengan menentukan satu tajuk/tema yang akan di bincangkan, lalu menghimpun ayat-ayat yang berkait dengan tajuk tema tersebut. Sebagaimana yang telah dijelaskan diatas, metode maudhu'i ini tidak menganalisis ayat demi ayat yang tersusun seperti yang terkandung dalam al-Quran seperti pentafsiran yang lain pada umumnya. (Isnu Hidayat, 2017).

Dan juga menurut al-Firmawi (t.t) tafsir maudhu'i adalah mengumpulkan ayat-ayat al-Quran yang mempunyai maksud yang sama dalam erti sama-sama membahaskan satu topik masalah dan menyusunnya berdasarkan kronologi dan sebab penurunannya ayat-ayat tersebut. Kemudian mufasir mulai memberikan keterangan dan penjelasan serta mengambil kesimpulan bahawa dalam membahaskan suatu tema diharuskan untuk mengumpulkan seluruh ayat yang menyangkut tema tersebut.

Pentafsiran secara tema/tajuk merupakan suatu metode yang tidak banyak dibahas dari segi kaedah, corak dan tahap-tahap oleh para ahli tafsir terdahulu walaupun di era sekarang ini sudah banyak yang mengkaji dan memberi arahan-arahan dalam penulisan tafsir. (Shofaussamawati, 2013)

### **3.0 Perkembangan Tafsir Maudhu'i**

Tafsir Maudhu'i telah wujud lagi pada zaman Nabi Muhammad Saw dan Nabi Muhammad sendiri yang telah mentafsirkan ayat dengan ayat. Pada ketika itu, cara pentafsiran itu dikenali dengan nama tafsir bi al-ma'thur. Dalam kitab al-bidayah fi al-Tafsir al-Maudhu'i oleh Abd al-Hayy al-Firmawi mengatakan bahawa semua pentafsiran ayat dengan ayat disebut sebagai tafsir maudhu'i dalam bentuk awal. (Mukhlisin, 2015)

Menurut Quraish, tafsir tematik berdasarkan surah dibawakan pertama kali oleh seorang guru besar jurusan tafsir, fakultas Ushuluddin Universitas al-Azhar, Syaikh Mahmud Syaltut, pada Januari 1960. Karya ini termuat dalam kitabnya, Tafsir al-Qur'an al-Karim. Sedangkan tafsir maudhu'i berdasarkan tema dibawa pertama kali oleh Prof. Dr. Ahmad Sayyid al-Kumiy, seorang guru besar di institusi yang sama dengan Syaikh Mahmud Syaltut, jurusan Tafsir, fakultas Ushuluddin Universitas al-Azhar, dan menjadi ketua jurusan tafsir sampai tahun 1981. Model tafsir ini ditulis pada tahun 1960 (Quraish Shihab, 1994)

Namun kalau merujuk pada sumber lain, kelahiran tafsir tematik jauh lebih awal dari apa yang dicatat Quraish Shihab, baik tematik berdasar surah mahupun berdasarkan tema. Seperti tafsir

tematik berdasar surah al-Quran yang dibawakan oleh Zarkashi, dengan karyanya al- Burhân, (al-Zarkashi, 1988), selain itu salah satu contoh yang paling awal yang menekankan pentingnya tafsir yang menekankan perbahasan surah demi surah, iaitu Suyuti dalam karyanya al-Itqân. (al-Suyuti, 1985)

Kerana itu, meskipun tidak suatu yang umum tafsir tematik sudah diperkenalkan sejak sejarah awal tafsir. Lebih jauh, perumusan konsep ini secara metodologi dan sistematik berkembang di masa kontemporer. Demikian juga jumlahnya semakin bertambah di awal abad ke 20, baik tematik berdasarkan surah al-Qur'an maupun tematik berdasar subjek/ topik.

#### **4.0 Corak Atau Langkah-Langkah Metode Maudhu'i**

Dalam kitab tafsir maudhu'i yang dikarang oleh Dr. Solah, alwan atau corak tafsir maudhu'i terbahagi kepada tiga bahagian: 1) Tafsir Maudhu'i menurut mustolah, 2) Tafsir Maudhu'i menurut tema, 3) Tafsir Maudhu'i menurut surah-surah. (Dr Solah Abd Fatah, 1996)

Dari definisi metode maudhu'i, sekurang-kurangnya ada dua langkah dalam proses pentafsiran secara maudhu'i: pertama mengumpulkan ayat-ayat yang berkenaan dengan satu maudhu' tertentu dengan memperhatikan masa dan sebab turunnya. Kedua mempelajari ayat-ayat tersebut secara teliti dengan memperhatikan kaitan satu dengan yang lainnya dalam peranannya untuk menunjuk pada permasalahan yang dibicarakan. Akhirnya, suatu kesimpulan dapat dibuat mengenai dilalah ayat-ayat itu (Syafe'i, 2006).

Langkah-langkah tafsir Qur'an dengan Metode Maudhu'i. Pada tahun 1977, Prof. Dr. Abd Al Hayy Farmawi, yang berjawatan sebagai guru besar pada Fakulti Usuluddin Al-Azhar, menerbitkan buku yang bertajuk Al-Bidayah Fi Al-Tafsir al-Maudhu'i dengan mengemukakan secara terperinci langkah-langkah yang harus ditempuh untuk memasukkan metode maudhu'i. Langkah-langkah tersebut adalah:

- a. Menetapkan masalah yang akan dibahas (topik).
- b. Menghimpun ayat-ayat yang berkaitan dengan masalah tersebut.
- c. Menyusun ayat-ayat sesuai dengan masa turunnya, disertai pengetahuan tentang asbab al-nuzul-nya.
- d. Memahami hubungan ayat-ayat tersebut dalam surahnya masing-masing.
- e. Menyusun pembahasan dalam kerangka yang sempurna (out line).
- f. Melengkapi pembahasan dengan hadits-hadits yang bersesuaian dengan isi-isi perbahasan.
- g. Mempelajari ayat-ayat tersebut secara keseluruhan dengan cara menghimpun ayat-ayatnya yang mempunyai pengertian yang sama, atau menyepakati antara yang 'am (umum) dan yang khash (khusus), mutlak dan muqayyad (terikat), atau yang pada lahirnya bertentangan, sehingga kesemuanya bertemu dalam satu muara, tanpa perbezaan atau pemasaan (Shihab, 1994).

h. Menyusun kesimpulan-kesimpulan yang menggambarkan jawaban al-Qur'an terhadap masalah yang dibahas ( Depag RI, 1989).

Ada juga langkah-langkah lain yang dapat digunakan untuk metafsirkan Al-Qur'an dengan metode maudhu'i. Adapun langkah-langkah yang dapat ditempuh menurut Dr. H. M. Sa'ad Ibrahim, M.A, adalah:

- a. Merumuskan tema dan sub topik yang dibahaskan.
- b. Menghimpun ayat-ayat yang sama tema dan relevan dengan tema.
- c. Menghimpun hadits nabi s.a.w. yang sama tema dan relevan dengan tema.
- d. Menghimpun tafsir ayat-ayat tersebut.
- e. Menghimpun syarah (Penjelasan) hadis.
- f. Menghimpun teori-teori ilmiah.
- g. Menyusun tema berdasarkan tema dan sub topik.
- h. Menggabungkan dengan teori-teori ilmiah.
- i. Menyimpulkan ajaran al-Quran tentang tema sesuai dengan topik.

Dalam pengembangan metode tafsir maudhu'i dan langkah langkah dalam menafsirkan Qur'an dengan menggunakan metode ini, Dr Quraish Shihab mempunyai beberapa catatan, antara lain:

a. Menetapkan masalah apa yang hendak dibahas.

Penetapan masalah yang dibahas mestilah sudah ditetapkan, untuk menghindari percampuran antara metode tafsir maudhu'i dengan tafsir tahlili, akibat pembahasan-pembahasan yang bersifat sangat teori, maka beliau memberikan pandangan, hendaklah yang dibahas itu diutamakan pada persoalan yang menyentuh hal masyarakat dan hendaklah hal-hal itu berkait apa yang dirasakan oleh mereka. Mufassir dengan menggunakan metode maudhu'i diharapkan agar terlebih dahulu mempelajari masalah-masalah masyarakat, yang sangat memerlukan jawaban al-Quran, misalnya petunjuk al-Quran yang berkait tentang kemiskinan, penyakit, dan lain-lain.

b. Menyusun turutan ayat sesuai dengan masa turunnya

Iaitu hanya diperlukan dalam upaya mengetahui perkembangan petunjuk al-Quran menyangkut persoalan yang dibahas, tambahan pula bagi mereka yang berpendapat ada nasikh dan mansukh dalam al-Quran. Bagi mereka yang bermaksud menguraikan suatu kisah, atau kejadian, maka turutan yang diperlukan adalah turutan peristiwa itu diturunkan.

c. Meskipun metode ini tidak mengharuskan huraian tentang pengertian kosa kata, namun kesempurnaannya dapat dicapai apabila sejak dini mufassir berusaha memahami kosa kata ayat dengan merujuk kepada penggunaan al-Quran sendiri.

Perlu digaris bawah ini bahwa, meskipun dalam langkah-langkah tidak dikemukakan menyangkut sebab nuzul, namun tentunya hal ini tidak dapat diabaikan karena sebab nuzul

mempunyai peranan penting dalam memahami al-Quran. Hanya ini tidak dicantumkan disana kerana tidak harus dicantumkan dalam huraian, tetapi harus dipertimbangkan ketika memahami erti ayat-ayat tersebut (Shihab, 1994).

#### **4.0 Kesimpulan**

Tafsir maudhu'i berkembang dari zaman Rasulullah s.a.w. sehinggalah ke zaman moden. Tafsir maudhu'i ini juga dapat menjawab hal-hal semasa yang berlaku pada zaman sekarang.

#### **5.0 Rujukan**

- Ali Aljufri 2014. *Metodologi Tafsir Modern-Kontemporer*.  
Atik Wartini. tt. *Corak Penafsiran M. Quraish Shihab Dalam Tafsir Al-Misbah*.  
Hujair A. H. Sanaky. 2008. *Metode Tafsir Perkembangan Metode Tafsir Mengikuti Warna Atau Corak Mufassirin*. Universitas Islam Indonesia Yogyakarta  
Mukhlisin. 2015. *Metode Tafsir Maudhu'I Dalam Kajian Ayat-Ayat Al-Ahwal Al-Syakhsiyyah*,. Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri ( Stain ) Watampone  
Nurzatil Ismah Bt Azizan t.t. *Metodologi Tafsir* Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.